

08/05/2000

Mahathir ingin penjelasan Sanusi

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau ingin mengetahui lanjut apa yang sebenarnya berlaku berkisar kepada laporan mengenai dua kakitangan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) yang didakwa dipukul oleh bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid.

"Terlebih dahulu saya ingin tahu daripada Sanusi, apa sebenarnya yang berlaku dan selepas itu kita akan fikir apa dia yang perlu dibuat," katanya mengulas kejadian itu selepas menyampaikan hadiah Larian Piala Thomas/Uber KL 2000 di Dataran Merdeka di sini, hari ini.

Ditanya sama ada Umno akan mengambil tindakan jika terbukti Sanusi terbabit dalam kes itu, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno itu berkata, ia terpulang kepada Majlis Tertinggi.

Dalam kejadian kira-kira jam 12.40 pagi Jumaat lalu, Sanusi dikatakan menampar dan menendang kakitangan MAS yang lambat menghantar kerusi roda untuk ibu saudaranya.

Dua kakitangan MAS itu, Shaiful Abdul Rahman, 25, dan Mohd Nazri Ishak, 25, menerima rawatan sebagai pesakit luar di Hospital Banting berikutan kecederaan di tengkuk, pinggang dan muka.

Semalam, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisioner II Mangsor Ismail berkata, polis akan memanggil Sanusi untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan, iaitu menyebabkan kecederaan dengan sengaja.

Seksyen itu membawa hukuman penjara maksimum setahun atau denda RM2,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

(END)